

KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Inisiatif KPLB dan agensinya sepanjang PKP 3.0

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang diterajui oleh Datuk Dr Abd Latiff Ahmad mengusahakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat yang **terkesan** ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Secara keseluruhannya, kesemua inisiatif ini membabitkan sembilan agensi di bawah KPLB dengan peruntukan kira-kira RM231,601,878 dan merangkumi 833,197 penerima manfaat.

MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Penangguhan bayaran WC Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)

Bermula Mei 2021 bagi 35,467 pelajar Tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5 apabila sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dilaksanakan dan bayaran caruman dikenakan semula apabila sesi persekolahan secara bersemuka dibenarkan.

Implikasi Kewangan
RM1.5 juta

Program MARA PRIHATIN: Peace of Mind (POM) 3.0

Penangguhan dan penjadualan semula bayaran balik pinjaman pelajaran dengan ansuran bulanan serendah RM100 selama setahun untuk 14,300 peminjam.

Implikasi Kewangan
RM6 juta

Diskaun Khas Pelajar UniKL

20,810 pelajar UniKL bagi sesi Januari-Jun 2021 berpeluang menikmati diskaun khas sebanyak 50 peratus dan pembatalan yuran orientasi kepada 970 pelajar.

Implikasi Kewangan
RM730,000

Skim Pinjaman Komputer (SKIP)

526 pelajar dari mana-mana Institut Pendidikan MARA (IPMA) dibekalkan peranti komputer dengan bayaran pinjaman serendah RM40 sebulan.

Implikasi Kewangan
RM1.5 juta

Moratorium Pinjaman

Moratorium pembayaran pinjaman bersasar kepada 81,442 peminjam MARA.

Implikasi Kewangan
RM35.2 juta

Latihan Keusahawanan Dalam Talian

Mendaya perniagaan dalam pelbagai slot seperti FBLive, Webinar, Biznetwork dan BizTalk dengan penyertaan seramai 600,000 peserta.

Pembiayaan Khas Penjana kepada operator Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Melibatkan 25 Insitut IPTS.

Implikasi Kewangan
RM155 juta

Inisiatif Khas Usahawan

Penjadualan semula bayaran balik pembiayaan perniagaan kepada 2,000 usahawan serta pengusaha kecil dan sederhana (PKS).

Implikasi Kewangan
RM10 juta

Diskaun Sewa

5,759 penyewa premis MARA berpeluang menikmati diskaun sewa sebanyak 30 peratus selama tiga bulan berkuat kuasa Mei lalu hingga Julai 2021.

Implikasi Kewangan
RM3.4 juta

JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)

Inisiatif

Kursus QUICKWIN bidang Jahitan, Masakan dan Dandanan Diri bakal memberi manfaat kepada 760 peserta yang terpilih.

Implikasi Kewangan
RM140,000

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

Inisiatif

Pengecualian Sewa

Pengecualian 50 peratus bagi 33 penyewa premis dan hartanahnya untuk 2020 dan 2021.

Implikasi Kewangan
RM1.5 juta

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Inisiatif 1
Bakul makanan untuk 62,269 Orang Asli.

Implikasi Kewangan
RM12 juta

Inisiatif 2
Kursus Latihan & Permohonan Bantuan Usahawan
Dijalankan secara maya dengan bayaran internet kepada peserta kursus berharga RM10 sehari untuk setiap peserta selain penerimaan borang turut dijalankan secara dalam talian.





LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)



**Inisiatif 1
Latihan & Pendidikan**
Pengurangan yuran hampir 40 peratus iaitu dari RM400 kepada RM150 untuk 245 pelajar dengan pengambilan pelajar bakal bermula untuk sesi Julai depan.

**Implikasi Kewangan
RM61,250**

**Inisiatif 2
Pengecualian Sewaan Premis & Hartanah**
Membabitkan 116 syarikat penyewa PKS dan 13 penyewa hartanah KEDA serta moratorium bayaran sewa beli rumah kepada 649 peserta sewa beli rumah.

**Implikasi Kewangan
RM443,610**



JOHOR TENGGARA (KEJORA)

**Inisiatif
Penangguhan, pengecualian dan penjadualan semula.**
Memanfaatkan 423 penyewa dan peminjam.

**Implikasi Kewangan
RMRM 647,555**

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)

**Inisiatif
Penangguhan, Pengecualian & Penjadualan Semula Sewa**
Memanfaatkan 575 penyewa dan peminjam pelbagai kategori.


**Implikasi Kewangan
RM561,100**



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

**Inisiatif
Penangguhan dan Penjadualan Semula Bayaran Balik SKIM Pinjaman Ekonomi serta Pengecualian Bayaran Sewa Premis**
Memanfaatkan 594 penyewa/peminjam.

**Implikasi Kewangan
RM861,000**



LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)

**Inisiatif 1
Penangguhan & Pengecualian Sewa**
Memanfaatkan 1,243 penyewa dan usahawan.

**Implikasi Kewangan
RM551,444**



**Inisiatif 2
Program KETENGAH Ambil Cakna Lockdown**
Agihan bantuan bakul makanan kepada 3,200 keluarga.

**Implikasi Kewangan
RM366,000**



DISTRIBUTION IS STRICTLY PROHIBITED

DISTRIBUTION IS STRICTLY PROHIBITED